

# Kurang peka punca demam denggi

Star 15/3/2011  
MS 26

## Masyarakat tidak ambil berat aspek kebersihan

### TAMAN MINANG RIA

— Peningkatan kes deman denggi yang mampu meragut nyawa khususnya di taman perumahan dipercayai berpunca daripada sistem pengaliran tidak sistematik.

Sememangnya tidak dinafikan terdapat punca lain menyebabkan wujudnya kes deman denggi namun berdasarkan keadaan semasa faktor kebersihan dan sikap kurang berwaspada penduduk adalah penyumbang kepada kejadian berkenaan.

Timbalan MCA Bahagian Serdang, Datuk Hoh Hee Lee berkata, sikap sesetengah masyarakat yang mengambil mudah faktor kebersihan adalah punca penyakit berkenaan berlaku.

“Berdasarkan keadaan semasa, salah satu faktor wujudnya deman denggi adalah disebabkan sistem persekitaran dan pengaliran tidak sistematik serta sikap kurang mengambil berat penyakit berkenaan.

“Kebiasaannya aktiviti gotong-royong hanya akan dijalankan apabila berlaku



■ Hee Lee (dua kanan) bersama sebahagian penduduk setempat yang menyertai gotong-royong.

nya deman denggi di sesuatu kawasan perumahan, tetapi jika semua penduduk mengambil berat tentang kebersihan persekitaran pada peringkat awal ia mampu mengatasi masalah berkenaan,” katanya pada Program Gotong-Royong Persatuan Penduduk Taman Minang Ria, Balakong.

Mengulas mengenai aktiviti gotong-royong berkenaan katanya, ia diadakan bertujuan membentuk

hubungan komuniti masyarakat pelbagai peringkat umur dan bangsa untuk membabitkan diri dalam program setempat.

“Penduduk perlulah peka dengan tempat atau kawasan yang bakal dijadikan tempat pembiakan nyamuk Aedes sama ada di dalam atau di luar rumah kerana disebabkan kurang keprihatinan penghuni rumah ia akan membahayakan nyawa.

“Luangkan masa seminggu sekali membersihkan kawasan persekitaran rumah dan bersihkan pasu bunga bagi mengelakkan kewujudan nyamuk Aedes di kawasan perumahan. Kita yakin jika perkara ini diamalkan ia akan mampu mengatasi masalah pembiakan nyamuk Aedes di kawasan perumahan dan menjamin kehidupan masyarakat setempat,” katanya.